

**Operasi sanitasi: Bukan cucian biasa, pemilik premis perlu ikut SOP KKM -
Ismail Sabri
Astro Awani
27 Mei 2020
Isabelle Leong,**

PUTRAJAYA: Pemilik premis perniagaan swasta yang ingin melakukan proses sanitasi sebelum memulakan operasi perlu mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan (KKM) terutama membabitkan bahan kimia yang digunakan.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, garis panduan yang disediakan merangkumi jenis bahan kimia yang sesuai dan diluluskan untuk tujuan berkenaan.

“Saya difahamkan ada yang menggunakan tukang pejabat masing-masing untuk melakukan sanitasi (menggunakan bahan pencuci biasa).

“Tidak kira siapa pun yang melakukan tugas mencuci dan mensanitasi pejabat, adalah penting mereka ikut garis panduan yang ditetapkan KKM .

“(Terutama) membabitkan jenis bahan kimia untuk tujuan sanitasi yang hendak digunakan, ia perlu mendapat kelulusan kementerian tersebut,” kata Ismail Sabri pada sidang media di Putrajaya pada Rabu.

Tegasnya, operasi sanitasi yang dilakukan bukan seperti cucian biasa yang dilakukan oleh pekerja pembersihan setiap hari, sebaliknya perlu dilakukan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

“Jika mereka mempunyai sebarang persoalan mengenai prosedur operasi standard (SOP) sanitasi, pemilik premis boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang berdekatan bagi mendapatkan penjelasan lanjut,” katanya.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/operasi-sanitasi-bukan-cucian-biasa-pemilik-premis-perlu-ikut-sop-kkm-ismail-sabri-244493>